



Jabatan Alam Sekitar

August 20 at 8:31 PM · 🌐



PREMIS BEROPERASI TANPA LESEN PREMIS YANG DITETAPKAN OLEH KETUA PENGARAH KUALITI ALAM SEKELILING , SEBUAH SYARIKAT DIDAKWA DI MAHKAMAH SESYEN BUTTERWORTH, PULAU PINANG

20 OGOS 2025 - BUTTERWORTH, PULAU PINANG, Hakim Mahkamah Sesyen Jenayah 2, Butterworth, Pulau Pinang hari ini telah menjatuhkan hukuman denda berjumlah RM25,000.00 ke atas sebuah syarikat kerana didapati telah menjalankan aktiviti penstoran luar tapak Buangan Terjadual SW110 – buangan elektrik dan elektronik (e-Waste) tanpa lesen di bawah Seksyen 18(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Premis tersebut beroperasi di Jalan Bukit Tambun, Mukim 12, 14000 Bukit Mertajam di dalam Negeri Pulau Pinang.

Siasatan telah di jalankan semasa Ops Hazard besar-besaran yang dijalankan serentak seluruh Malaysia dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Pasukan Gerakan Udara (PGU).

Penstoran luar tapak Buangan Terjadual tersebut beroperasi di lokasi bukan yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Pengarah syarikat hadir tanpa diwakili peguam dan mengaku salah terhadap pertuduhan yang dibacakan. Hakim Pn Nor Azah Binti Kasran telah menjatuhkan hukuman bersalah terhadap OKS dan didenda sebanyak RM25,000.00 semasa sebutan kes dibacakan.

Adalah diingatkan bahawa, menjalankan aktiviti penstoran luar tapak buangan terjadual adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 18(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Akta 127) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 18(3) Akta yang sama yang mana jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak kurang daripada dua puluh lima ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan boleh juga dikenakan tambahan denda tambahan satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas disampaikan kepadanya suatu notis oleh Ketua Pengarah mengkehendaknya menghentikan perbuatan yang dinyatakan di dalamnya itu.

Orang awam diseru untuk melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 yang beroperasi 24 jam sehari atau emel ke aduan_k@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

#nres

#jabatanalamsekitar

#jaspulaupinang

#alamsekitartanaaunaiawabbersama

KES MAHKAMAH
AKTA KUALITI ALAM SEKELILING, 1974

MAHKAMAH SESYEN 2
BUTTERWORTH

PERTUDUHAN KE ATAS SYARIKAT
CMP MATERIAL SDN.BHD
676&677, JALAN BUKIT TAMBUN,
MUKIM 12,
14000 BUKIT MERTAJAM,
PULAU PINANG

HUKUMAN KE ATAS SYARIKAT
OKS MENGAKU BERSALAH PADA
20 OGOS 2025

TARIKH KESALAHAN: 15 FEBRUARI 2025
(OPS HAZARD 1.0)

Pertuduhan:
SEKSYEN 18(1), AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

Premis telah menjalankan aktiviti penstoran luar tapak dengan menempatkan buangan terjadual SW110 iaitu sisa elektrik dan elektronik (e-Waste) yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, Peraturan 2, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 tanpa lesen daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling.

DENDA **RM 25,000.00**

JABATAN ALAM SEKITAR | JABATAN ALAM SEKITAR | JABATAN ALAM SEKITAR | JABATAN ALAM SEKITAR | "ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA"